

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING (KULAI)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah khas sementara dirancang untuk memberikan kewarganegaraan kepada anak yang dilahirkan di luar Negara kepada ibu warganegara Malaysia ketika perintah kawalan COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur bawah 21 tahun yang **dilahirkan di luar negara kepada ibu bertaraf warganegara Malaysia dengan bapa bertaraf Bukan Warganegara** adalah secara pendaftaran di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa. Dalam hal ini, pertimbangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan turut mengambil kira **dasar Kerajaan yang tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan.**

Permohonan kewarganegaraan tersebut boleh dikemukakan di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar Negara (Malawakil) terdekat dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan tatacara yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, tanpa memerlukan ibu atau bapanya pulang ke Malaysia khususnya semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020.